

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH

PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO: CB-38-180-08/2025

Dalam perkara mengenai Seksyen 256 dan 257 Kanun Tanah Negara, 1965

DAN

Dalam perkara mengenai Gadaian Perserahan No: 1033/2003 bertarikh 24.04.2003 ke atas semua bahagian tanah yang dipegang di bawah HS(M) 4317, PT 13738, Mukim Mentakab, Daerah Temerloh, Negeri Pahang

DAN

Dalam perkara mengenai Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah, 2012

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

.....PLAINTIF

DAN

ZULSYAFIZAL BIN MAHTAR (No. Kad Pengenalan: 750712-02-5189/T/814928)

WAHIDA BINTI MAT DAUD (No. Kad Pengenalan: 750812-02-5864)

.....DEFENDAN-DEFENDAN

MENURUT PERINTAH MAHKAMAH TINGGI MALAYA di TEMERLOH mengenai Perintah Jualan dan Perintah bertarikh 10 Disember 2024 dan 24 September 2025, ADALAH DENGAN INI DIISYTIHARKAN bahawa Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Pusat Operasi e-Lelong di Kuantan

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

Pada hari Rabu, 26hb November 2025, pada Jam 9:00 pagi,

SECARA ELEKTRONIK DI LAMAN WEB e-LELONG, PUSAT OPERASI e-LELONG, KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

NOTA: Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan. Sila layari laman web e-Lelong di <https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb>

BUTIR-BUTIR HAKMILIK:

No. Hakmilik	: HS(M) 4317
No. LOT	: PT 13738
Mukim / Daerah / Negeri	: Mentakab/Temerloh/Pahang
Pegangan	: Hakmilik Pajakan
No. Petak/No. Tingkat/No. Bangunan :	
Luas Lantai	: 1658.00 kaki persegi (154.00 m.p.)
Pemilik Berdaftar	: ZULSYAFIZAL BIN MAHTAR & WAHIDA BINTI MAT DAUD
Syarat Nyata	: Tanah ini hendaklah digunakan untuk satu unit bangunan kediaman sahaja
Sekatan Kepentingan	: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri
Bebanan	: dicagarkan kepada MINISTER OF FINANCE dengan No. Perserahan: 1033/2003 bertarikh 24.04.2003
Kawasan Rizab	: Tidak
Kaveat	: Tiada

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH :

Hartanah tersebut adalah Rumah Teres Satu Tingkat yang beralamat pos di No. 25, Jalan Saga Indah 1/1, Taman Saga Indah, 28400 Mentakab, Pahang Darul Makmur.

HARGA RIZAB

Hartanah tersebut akan dijual atas "sepertimana sedia ada" tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM180,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS LAPAN PULUH RIBU SAHAJA) dan kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan. Pembida yang berminat hendaklah mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf di atas nama LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM 1 HARI BEKERJA sebelum tarikh lelongan awam. Baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembida yang berjaya kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM dalam tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh jualan. Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:-

Firma Guaman : TETUAN RADZI & ABDULLAH

Alamat : No. 207, Tingkat 2, Blok C, Kuantan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman, 25000 Kuantan, Pahang

No. Telefon : 09-5139887, 09-5139886

No. Rujukan : 14000/488/L(LPPSA)/SNA(zura)